



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/9/2019	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### **Peniaga didenda ceroboh hutan simpan**

ALOR SETAR - Seorang peniaga didenda RM5,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana menceroboh sebahagian Kompartmen 11 Hutan Simpan Koh Moi Kedah pada 9 Mac lalu.

Hakim Murtazadi Aman memerintahkan tertuduh, Abdullah Hassan, 58, dipenjara selama 6 bulan jika gagal membayar denda yang dikenakan.

Selain itu tertuduh juga diarah membayar ganti rugi RM2,000 kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah selain barang rampasan seperti parang dan mesin gergaji dilucuthak.

Abdullah mengaku melakukan kesalahan di bawah Seksyen 81(1)(g), Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1985 (Akta 313) iaitu mencero- boh hutan sim- pan dan Seksyen 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1985 [Akta 313] iaitu membersihkan atau membajak mana- mana tanah bagi tujuan



Barang yang dirampas daripada tertuduh turut dibawa ke Mahkamah Sesyen Alor Setar semalam.

tanaman tanpa kebenaran yang sah.

Bagaimanapun kenderaan milik tertuduh iaitu pacuan empat roda Ford Ranger yang dirampas oleh pihak berkuasa dikembalikan semula kepadanya.

Murtazadi sebelum menjatuhkan hukuman tersebut mengharap- kan keputusan itu akan mem- berikan pengajaran kepada tertuduh dan juga masya- rakat tentang kepentingan menjaga hutan simpan dan menjadi kesalahan mence-

robah jika tidak mempuny- ai kebenaran.

Dalam prosiding yang sama, seorang warga Ro- hingya, Moktul Husson Guramiah, 25, yang turut dituduh mencero- boh seba- hagian Kompartmen 11 Hutan Simpan Koh Moi Kedah pada 9 Mac lalu ga- gal memahami pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa dan Murtazadi memutuskan agar seorang jurubahasa Myanmar dilantik dan bacaan kes dilakukan se- mula pada 14 Oktober.